

12 NOV 1998
PM-PROTON/I
DR MAHATHIR LANCAR MODEL BARU PERDANA, SATRIA

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan model-model baru kereta Proton Perdana V6 dan Satria GTi yang dikeluarkan oleh Kumpulan DRB-Hicom.

Kereta Perdana baru itu menggunakan kuasa ejin 24 injap dua liter manakala Satria dipasang dengan enjin 1.8 liter.

Hadir sama pada upacara yang berlangsung di Stadium Tertutup Putra di Bukit Jalil di sini, ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan pengerusi Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) Tan Sri Mohd Saleh Sulong.

Pembuat kereta nasional Proton menyatakan bahawa ini adalah kali pertama ia melancarkan dua variasi serentak dan model-model ini mengandungi banyak perubahan kejuruteraan selain daripada kemasan hiasan dalaman dan luaran.

Perdana V6 disasarkan kepada pelanggan-pelanggan yang mahukan kemewahan dan keselesaan serta prestasi tinggi daripada sebuah kereta terkemuka pada harga yang termampu.

Model-model ini adalah hasil daripada kerjasama erat antara Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Proto dan Lotus Engineering di Norwich, Britain.

Kereta-kereta Perdana dan Satria masing-masing diedarkan oleh Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON) dan Usahasama Proton-DRB Sdn Bhd (USPD). Kedua-dua syarikat adalah anak-anak syarikat DRB-Hicom.

Kereta nasional merupakan ciri menonjol dalam forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di mana Malaysia menjadi tuan rumah kerana lebih 80 buah kereta Perdana daripada pelbagai model digunakan untuk membawa orang-orang kenamaan.

-- BERNAMA
MAM KY MA